

29/08/1998

PM yakin KDNK bertambah baik

Rosli Safar; Misiah Taib

KUCHING, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin penguncupan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 6.8 peratus pada suku kedua tahun ini, dapat dikurangkan pada suku ketiga dan suku terakhir nanti.

Menurut Perdana Menteri, dengan usaha yang dilakukan kerajaan untuk memulihkan ekonomi sekarang, kedudukan itu akan berubah dalam tempoh suku tahun seterusnya.

Beliau berkata, rakyat perlu memahami kuncupan itu, antara lain berpunca daripada kemerosotan ekonomi negara yang menjadi pasaran Malaysia seperti Jepun, menyebabkan jumlah eksport negara ke sana turut menurun.

"Kita kena faham apa yang dimaksudkan. Kerana ekonomi negara pasaran kita terjejas, maka kita tidak dapat mengeksport banyak. Dengan itu industri pembuatan kita mengalami kemerosotan.

"Begitu juga dengan balak umpamanya. Oleh kerana Jepun sekarang menghadapi kegawatan, mereka tidak membeli kayu, membina rumah dan semua itu menyebabkan seluruh rantau ini terjejas sehingga kuasa membeli juga menurun," katanya.

Beliau menjelaskan demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Kesembilan di Santubong Resort, kira-kira 40 kilometer dari sini, hari ini.

Bank Negara semalam mengumumkan KDNK menguncup 6.8 peratus dalam suku kedua tahun ini selepas pertumbuhan negatif 1.8 peratus dalam suku pertama.

Dr Mahathir berkata, Malaysia juga terpaksa bersaing dengan negara serantau seperti Indonesia yang boleh menjual barangannya pada harga lebih murah ekoran penurunan nilai rupiah yang lebih banyak daripada ringgit.

"Itulah sebabnya saya cuba mempersiapkan fikiran orang ramai supaya apa pun ketetapan yang diperkenalkan kerajaan, sama ada biasa atau luar biasa, akan mendapat sokongan mereka, jika tidak usaha memulihkan ekonomi tidak berjaya.

"Saya cuba mempersiapkan fikiran rakyat mengenai bagaimana mereka boleh mengendali perkara luar biasa ini. Saya mempunyai firasat perkara luar biasa ini memerlukan penyelesaian luar biasa dan di Malaysia, kita sudah melakukan penyelesaian luar biasa banyak kali," katanya.

Mengenai cadangan pakar ekonomi Amerika, Paul Krugman, negara yang terjejas patut memperkenalkan kawalan pertukaran mata wang, Perdana Menteri berkata walaupun beliau bersetuju dengan Krugman, ia bukan perkara mudah kerana spekulator mempunyai banyak dana.

"Kita minta tolong dengan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), kita bercakap dengan Amerika Syarikat ketika Persidangan Ekonomi Asia Pasifik (Apec). Saya menjelaskan pada akhirnya ia akan menjejaskan Amerika sendiri.

"Mereka kata tiada apa yang mereka boleh buat. Malahan, saya tahu mereka boleh kerana mereka sudah menahan beberapa orang kerana kegiatan yang menjejaskan ekonomi mereka.

"Hari ini ia belum lagi menjejaskan ekonomi mereka, saya berharap dan berdoa mereka turut merasai masalah yang kita rasai. Pada masa itu, saya yakin kerajaan akan tahu mereka mempunyai kuasa untuk menghalang mereka. Hari ini, mereka mendapat banyak keuntungan, jadi bersukarialah," katanya.

Ditanya sama ada terlalu ramai spekulator, Perdana Menteri berkata paling ramai pun hanya 1,000 orang.

"Tetapi, hanya kerana 1,000 spekulator ini mahu mendapat berbilion

(dolar) bagi diri mereka, berpuluh juta pekerja kehilangan kerja dan rakyat sedang menderita.

"Mereka secara sah menurut undang-undang sudah mencuri kekayaan daripada negara rantau ini menerusi sistem yang mereka bangunkan tetapi hakikatnya mereka mencuri daripada orang miskin," katanya.

Bagi spekulator ini, katanya, perdagangan bebas bermakna tidak mengehendkan mereka daripada mendapatkan wang sebanyak yang boleh.

"Apa pentingnya (George) Soros untung berbilion-bilion sehingga boleh beli satu juta hektar ladang di Argentina. Saya tahu perkara ini secara peribadi. Duit ini didapati daripada pekerja yang hilang kerja di Indonesia, Malaysia, Thailand dan Korea Selatan.

"Begitulah cara wang itu diperolehi dan dunia mempertahankan hak mereka untuk mengambil wang daripada golongan miskin ini agar mereka boleh menjadi teramat kaya," katanya.

(END)